



D3 5      DP1 5  
D2 5  
D1 5

---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
FINAL EXAMINATION**

---

**COURSE NAME           : KEUSAHAWANAN**  
**COURSE CODE           : ETR3013/ETR8023**  
**EXAMINATION           : NOVEMBER 2016**  
**DURATION               : 3 HOURS**

---

**INSTRUCTION TO CANDIDATES**

1. This examination paper consists of **THREE (3)**:  
PART A (20 MARKS)  
PART B (50 MARKS)  
PART C (30 MARKS)
  
2. Answer **ALL** questions for Part A and B. Answer **TWO (2) question** only for Part C
  
3. Candidates are not allowed to bring any material to examination room **EXCEPT** with the permission from the invigilator.
  
4. Please make sure that all material is available during this examination session:
  - i. Question Paper
  - ii. Objective Answer Paper
  - iii. Answer Booklet

---

**DO NOT OPEN QUESTION PAPER UNTIL HAVE BEEN TOLD TO DO SO**

---

*THIS QUESTION PAPER CONSISTS OF **16** PRINTED PAGES INCLUDING FRONT PAGE*

---



**BAHAGIAN A (Jumlah : 20 markah )****SOALAN ANEKA PILIHAN****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan**

1. Apakah ciri-ciri usahawan yang mampu berdaya saing dan boleh berjaya dalam perniagaan ?
  - A. Bertanggungjawab, berkeyakinan dan mampu berjenaka
  - B. Berwawasan, berkeupayaan mengurus dan menilai pencapaian
  - C. Bertanggungjawab, berwawasan dan bertubuh sasa
  - D. Berkehendak maklumbalas, menilai pencapaian dan tidak suka persaingan
  
2. Manakah antara yang berikut merupakan kelebihan seorang usahawan berbanding dengan makan gaji?
  - A. Pulangan tetap
  - B. Risiko kurang
  - C. Masa kerja tetap
  - D. Bebas membuat keputusan
  
3. Apakah kebaikan memiliki perniagaan ?
  - A. pendapatan yang tidak seimbang
  - B. masa kerja yang sentiasa panjang dan memenatkan
  - C. mampu memberi keuntungan yang maksimum
  - D. mampu memberi kerugian yang maksimum
  
4. Apakah faktor yang mampu meningkatkan semangat usahawan ?
  - A. faktor demografi dan ekonomi
  - B. faktor perubahan cuaca
  - C. faktor perubahan musim
  - D. faktor perubahan waktu dan masa

- Kurier
- Tukang kayu
- Perhotelan
- Ejen pelancongan

5. Apakah jenis perniagaan yang berkaitan dengan contoh perniagaan di atas?
- A. agihan
  - B. pemasaran
  - C. pengeluaran
  - D. perkhidmatan
6. Kebanyakan kejayaan dan kegagalan perniagaan adalah bergantung kepada kemahiran usahawan. Apakah faktor yang menyumbang kepada kegagalan perniagaan ?
- A. pengurusan yang tidak cekap, kurang pengalaman dan lokasi yang kurang sesuai
  - B. pengurusan yang berhemah tetapi pengalaman yang cetek serta kurang modal
  - C. pengurusan yang sempurna dan berdaya saing, tetapi tiada keuntungan dalam jangka pendek
  - D. pengurusan yang kurang berkesan tetapi mampu memberi pulangan yang baik
7. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai keperluan.
- A. Keperluan manusia adalah terhad.
  - B. Manusia tidak memerlukan keperluan asas untuk hidup.
  - C. Pendingin udara merupakan keperluan asas di negara tropika.
  - D. Keperluan manusia tidak dapat dipenuhi melalui aktiviti perniagaan.

8. Berapakah orangkah jumlah maksimum dalam suatu perniagaan perkongsian?
- A. 10 orang
  - B. 20 orang
  - C. 30 orang
  - D. 50 orang
9. Perniagaan manakah yang berikut merupakan perniagaan milikan tunggal?
- A. Restoran Lee Kun Taw
  - B. Klinik Tem Be Rang dan Rakan-rakan
  - C. Suam Suam Sendirian Berhad
  - D. Koperasi Staf KPYPJ Berhad
10. Siapakah yang membeli dan menjual barang dalam kuantiti yang kecil?
- A. peruncit
  - B. pengeluar
  - C. pengilang
  - D. pemborong
11. **Keperluan** adalah sesuatu yang asas yang mesti diperoleh. Kenal pasti contoh keperluan
- A. makanan
  - B. banglo
  - C. kereta mewah
  - D. memiliki barang kemas

12. Apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang usahawan dalam menganalisis persekitaran, membuat penilaian dan menilai masyarakat?
- A. mengetahui tentang keadaan penduduk, pendapatan serta cita rasa semasa bagi membolehkan usahawan itu mengetahui keperluan dan kehendak masyarakat
  - B. melakukan analisa dan kaji selidik serta menyimpan data tersebut dengan cermat
  - C. melakukan kaji selidik tetapi tidak membuat semakan semula bagi mengesahkan data-data yang diperolehi
  - D. mengetahui citarasa kini dan cuba menerima sambil membekalkan barang-barang yang lama

13.

Syarikat Asta Konar Berhad

Apakah maksud ' Berhad ' dalam nama syarikat di atas ?

- A. Modal syarikat terhad
  - B. Keuntungan syarikat terhad
  - C. Kawalan terhadap syarikat berhad
  - D. Liabiliti pemegang saham yang terhad
14. Ciri-ciri usahawan yang berikut, manakah yang menunjukkan ciri-ciri usahawan yang baik?
- i. Menetapi janji
  - ii. Bersopan santun
  - iii. Menjaga kebersihan alam sekitaran
  - iv. Memberi timbangan dan sukatan yang tidak tepat
- A. i,ii, dan iii
  - B. i,ii dan iv
  - C. i, iii, dan iv
  - D. ii, iii, dan iv

15. Antara risiko-riisiko yang berikut, manakah yang dapat diinsuranskan?
- A. rusuhan
  - B. bencana alam
  - C. hutang lapuk perniagaan
  - D. kecederaan pelanggan ketika berada di kedai
16. Apakah kelebihan memiliki perniagaan ?
- A. pendapatan sentiasa tetap
  - B. memberikan sumbangan kepada masyarakat dan dikenali
  - C. usahawan menjadi gila
  - D. tekanan darah tinggi naik
17. Pasangan manakah yang benar mengenai jenis milikan dan liabilitinya?

|   | <b>Jenis Milikan</b>      | <b>Liabiliti</b> |
|---|---------------------------|------------------|
| A | milikan tunggal           | terhad           |
| B | syarikat sendirian berhad | tidak terhad     |
| C | koperasi                  | terhad           |
| D | syarikat awam berhad      | tidak terhad     |

18. Pengurus pemasaran sebuah restoran telah membuat segmen pasarannya kepada dua iaitu segmen untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Apakah kategori segmentpemasaran ini?
- A. geografi
  - B. demografi
  - C. psikografik
  - D. aktiviti

19. Kos per unit kalkulator ialah RM40.00 dan peratus 'mark up' yang ditetapkan ialah 20%. Harga pasaran kalkulator ialah RM50.00. Berapakah harga kalkulator untuk dijual jika penjual menggunakan kaedah harga berdasarkan kos ('cost based pricing'). ?
- A. RM9.00
  - B. RM48.00
  - C. RM50.00
  - D. RM60.00
20. Kenalpasti apakah contoh kos tidak langsung tenaga pekerja di restoran :
- A. tukang masak
  - B. pelayan
  - C. pembantu tukang masak
  - D. penyelia

[ 20 markah ]



**BAHAGIAN****ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN**

**Sila guna buku jawapan yang disediakan**

**Soalan 1**

Keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tunggak kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, memahami usahawan dan keusahawanan merupakan asas bagi menjana kesedaran dan kepentingan bidang ini dalam pembangunan negara.

- i) Berikan definisi usahawan

[ 5 markah ]

- ii) Huraikan EMPAT kelebihan memiliki perniagaan

[ 12 markah ]

- iii) Jelaskan ciri ciri kompetensi keusahawanan yang berikut.

[ 8 markah ]

[ JUMLAH : 25 MARKAH ]

**SOALAN 2**

Jadual di bawah menunjukkan perniagaan, risiko dan pulangan

| <b>Perniagaan</b> | <b>Risiko</b> | <b>Pulangan</b> |
|-------------------|---------------|-----------------|
| <b>1.Restoran</b> | Sederhana     | Sederhana       |
| <b>2.Pasaraya</b> | Tinggi        | Tinggi          |
| <b>3.Hotel</b>    | Tinggi        | Tinggi          |

Berdasarkan jadual di atas:

- a. Huraikan hubungan risiko dan pulangan bagi setiap perniagaan di atas  
[6 markah]
  - b. Terangkan maksud perkhidmatan  
[2 markah]
  - c. Terangkan maksud barangan  
[2 markah]
- [ JUMLAH : 10 MARKAH ]

### SOALAN 3

Datuk Loh Boon Siew berasal dari Kampung Hui, daerah Fukian, sebuah wilayah yang dianggap paling miskin di China. Kehidupan keluarga Datuk Loh sangat miskin menyebabkan beliau tidak pernah berpeluang ke sekolah.

Sejak kecil lagi beliau bekerja mengutip najis haiwan sebagai baja pertanian dan memancing ikan untuk dijual sebagai tambahan pendapatan keluarganya. Ketika berumur dua belas (12) tahun, ayahnya membawanya ke Pulau Pinang untuk berhijrah dan mencari sumber pendapatan. Beliau disuruh oleh ayahnya bekerja di sebuah kedai mekanik. Mereka berdua tidak mempunyai sedikit pun masa untuk bersuka-suka tetapi bekerja kuat untuk menghantar duit untuk keluarga yang berada di China. Untuk memperolehi pendapatan lebih, di sebelah malam beliau membasuh bas dan upahnya sepuluh (10) sen bagi setiap bas. Ketika berumur lapan belas (18) tahun, beliau tertarik untuk berniaga sendiri dan sering memikirkan cara bagaimana untuk mendapat peluang tersebut.

Hasil daripada wang yang disimpan sedikit demi sedikit, dia kemudian membeli beberapa peralatan mekanik bernilai RM 10.00 dan 8 buah bas berharga RM2000.00 untuk diperbaiki dan dijadikan bas penumpang. Bas ini mendatangkan hasil lumayan kepada beliau iaitu RM1.20 hingga RM 1.40 sehari untuk setiap bas. Setiap keuntungan

disimpan sedikit sementara bakinya dijadikan modal pusingan semula. Dalam masa tujuh (7) tahun beliau mempunyai empat puluh (40) buah bas dan membuka kedai bateri serta barang ganti kenderaan. Selepas perang dunia kedua tamat, Datuk Loh meluaskan perniagaannya dengan membuka kedai kereta terpakai dan menjadi ejen pengedar beberapa jenis motosikal keluaran British. Dalam tahun 1958, beliau melawat Jepun untuk makan angin. Di Jepun beliau ternampak buat pertama kalinya sebuah motosikal Honda. Pada ketika itu motosikal Honda belum lagi diketahui di Malaysia. Beliau berfikir adalah menarik sekiranya dapat menjualnya di Malaysia. Disebabkan motosikal Honda adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan motosikal British, dan beliau merasakan ianya adalah amat sesuai untuk orang-orang Asia yang bertubuh lebih kecil.

Setelah mengesan siapakah pengeluarnya, beliau membuat perjanjian untuk memesan dua belas (12) unit motosikal tersebut. Motosikal tersebut kemudian dijual kepada kawan rapatnya tanpa mengambil apa-apa untung. Motosikal Honda yang dibawanya ditertawakan oleh orang ramai yang menganggap ia tidak berguna dan cepat rosak, namun ia tidak mematahkan hasratnya untuk memperkenalkan motosikal tersebut. Menjelang tahun 1963, motosikal Honda menjadi kenderaan yang paling diminati di Malaysia. Setiap sepuluh motosikal di jalanraya, tujuh darinya adalah dari Honda.]

- a) Apakah maksud peluang?. Bagaimanakah Datuk Loh Boon Siew mengenalpasti peluang di dalam pasaran? Sokong jawapan anda berdasarkan fakta dalam cerita di atas.

**[4 markah]**

- b) Berdasarkan cerita di atas, bincangkan tiga (3) ciri-ciri yang dimiliki oleh Datuk Loh Boon Siew sebagai seorang usahawan yang berjaya. Sokong jawapan anda dengan contoh yang spesifik.

**[6 markah]**

**[ Jumlah : 10 markah ]**

**Soalan 4**

Puan Maimon merancang hendak memulakan perniagaan kedai menjual kek di Taman Tampoi Utama. Selepas menjalankan kajian pasaran dikalangan pelajar Sekolah Hospitaliti YPJ yang merupakan sasaran pasarnya, Puan Maimon bercadang menyediakan rancangan perniagaan bagi penilaian projek ini. Beliau merancang memulakan operasi pada 2 Januari 2016. Walaubagaimanapun, beliau memerlukan bantuan dalam penyediaan rancangan perniagaan tersebut. Maklumat yang berkaitan adalah seperti berikut:

- a. Puan Maimon bercadang membeli mesin dan peralatan sejumlah RM78,150 dengan pembiayaan melalui sewa beli dan beliau perlu membayar deposit sejumlah 10% dari jumlah kos.
- b. Puan Maimon bercadang membawa van lama beliau dengan harga pasaran RM22,500 sebagai aset perniagaannya.
- c. Beliau juga bercadang membuat pengubahsuaian ke atas aset tetap sejumlah RM16,500
- d. Puan Maimon juga menjangkakan perbelanjaan bulanan mengikut bahagian –bahagain yang berkaitan adalah seperti berikut
  - i. Pentadbiran 25,175
  - ii. Pemasaran 375
  - iii. Operasi 33,075
- e. Modal kerja disediakan untuk tempoh DUA bulan untuk memastikan operasi perniagaan berjalan lancar.
- f. Pendaftaran perniagaan adalah sejumlah RM300 dan insuran sejumlah RM2,000
- g. Puan Maimon juga perlu membayar deposit untuk sewaan kedai sejumlah RM 5,500 dan deposit untuk pelbagai utiliti sejumlah RM1,800.
- h. Puan Maimon juga menjangkakan kos luar jangka atau kontingensi adalah 10% dari jumlah kos

- i. Bagi membiayai projek ini Puan Maimon bercadang membuat pinjaman perniagaan sejumlah RM150,000 dengan Bank Pembangunan yang mengenakan faedah 6% setahun dan menggunakan duit simpanan sejumlah RM40,000 sebagai tambahan membiayai projek ini.
- j. Susutnilai ke atas semua jenis aset ialah pada kadar 10% ke atas kos.
- k. Beliau menjangkakan jualan tahunan perniagaannya ialah RM987,500

**DIPERLUKAN:**

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan jadual berikut untuk Puan Maimon

- A. Jadual kos pelaksanaan projek **[ 6 markah ]**
  - B. Jadual sumber pembiayaan projek **[ 4 markah ]**
  - C. Jangkaan penyata pendapatan (penyata untung rugi )  
bagi tahun 2015 **[ 5 markah ]**
- [ JUMLAH : 15 MARKAH ]**

**BAHAGIAN C****JAWAB DUA ( 2 ) SOALAN SAHAJA**

Sila guna buku jawapan yang disediakan

**SOALAN 1**

Sebuah syarikat perkhidmatan mencuci kenderaan mendapat tawaran mencuci 300 buah bas sebulan pada harga RM80.00 bagi seunit bas. Spesifikasi kerja yang dinyatakan adalah menyembur, membasuh dengan syampu keseluruhan badan dan mengilap dengan menggunakan bahan pengilap.

| Bil | Perkara   | Harga (RM) |
|-----|---|------------|
| 1   | Syampu  | 1,140      |
| 2   | Bahan pengilap  | 1,725      |
| 3   | Gaji penyelia   | 1,500      |
| 4   | Upah pekerja  | 11,520     |
| 5   | Sewa tapak  | 900        |
| 6   | Bil air   | 1,000      |
| 7   | Bil elektrik  | 800        |
| 8   | Span dan berus  | 750        |
| 9   | Susutnilai mesin penyembur, mesin pengilap dan peralatan lain | 1,050      |
| 10  | Belanja runcit  | 450        |

Berdasarkan maklumat di atas, Kirakan:

- a) Kos bahan
- b) Kos buruh langsung
- c) Kos tidak langsung
- d) Jumlah kos operasi
- e) Kos seunit perkhidmatan mencuci bas
- f) Keuntungan seunit perkhidmatan

[ 10 markah ]

**SOALAN 2**

Mohd Faez bercadang membuka kilang membuat roti dengan nama Kedai Roti Gempak di kawasan Kampung Melayu Kulai. Mohd Faez mengenalpasti 7 pesaing utama dan saiz pasaran ialah lebih kurang RM400,000 sebulan seperti maklumat berikut.

| Bil           | Nama Pesaing                   | Anggaran<br>Jualan Sebulan<br>(RM) |
|---------------|--------------------------------|------------------------------------|
| 1             | Gardenia Bakeries (Johor )     | 100,000                            |
| 2             | President Bakery Confectionery | 40,000                             |
| 3             | Kilang Roti Enak               | 40,000                             |
| 4             | Everyday Bakery                | 100,000                            |
| 5             | Perniagaan Roti Macdotta       | 40,000                             |
| 6             | Roti Imam                      | 40,000                             |
| 7             | Roti Ria                       | 40,000                             |
| <b>JUMLAH</b> |                                | <b>RM400,000</b>                   |

Mohd Faez menganggarkan bahawa jika perniagaannya mula beroperasi pada bulan Januari 2015 , beliau akan dapat menguasai sebanyak 10% dari jumlah saiz pasaran di atas. Selepas kemasukan Kedai Roti Gempak , peratus pasaran pesaing Gardenia Bakeries,President Bakery Confectionery, Kilang Roti Enak, Everyday Bakery ,

Perniagaan Roti Macdotta dan Roti Imam masing masing akan berkurang 1%,2%,1%,2%,2%,1%,1%

Mohd Faez meramalkan ramalan jualan untuk bulan Januari 2015 adalah sejumlah RM40,000 dan akan meningkat sebanyak 6% sebulan sehingga bulan Disember 2015

Mohd Faez juga meramalkan jualan tahunan bagi tahun 2016 akan meningkat sebanyak 10% berbanding jualan tahunan dibuat pada tahun 2015 dan juga meramalkan jualan tahunan bagi tahun 2017 akan meningkat sebanyak 15% berbanding jualan tahunan dibuat pada tahun 2016.

**DIPERLUKAN:**

1. Sediakan jadual peratus pasaran sebelum kemasukan Kedai Roti Gempak.
2. Sediakan jadual peratus pasaran selepas kemasukan Kedai Roti Gempak
3. Sediakan ramalan jualan untuk bulan Januari 2015 hingga Disember 2015
4. Sediakan ramalan jualan tahunan bagi tahun 2016 dan 2017

**[ 10 markah ]**



**SOALAN 3**

Berikut adalah proses untuk membuat ayam panggang di salah sebuah restoran makanan segera di Johor Bahru.

- I. Menyimpan bahan mentah dan ayam di dalam peti ais
- II. Perap ayam dengan ramuan
- III. Pindahkan ayam ke tempat memanggang
- IV. Proses memanggang
- V. Pemeriksaan visual
- VI. Memindahkan ayam ke rak
- VII. Penyimpanan sementara
- VIII. Meletakkan sos dan kicap
- IX. Tunggu sebelum pembungkusan
- X. Pembungkusan
- XI. Simpan di rak

**DIPERLUKAN:**

Sediakan carta alir bagi proses membuat ayam panggang di atas

[ 10 markah ]

**SOALAN TAMAT**

